

# SAMBUTAN AMBANG TAHUN BARU 2019 PANGKALAN UDARA LABUAN



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4303-sambutan-ambang-tahun-baru-2019-pangkalan-udara-labuan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4303-sambutan-ambang-tahun-baru-2019-pangkalan-udara-labuan)

LABUAN, 1 Jan 19 - Sambutan Ambang Tahun Baru 2019 Pangkalan Udara Labuan telah disambut meriah di tiga lokasi berbeza iaitu di Wisma Perwira, Wisma Bintara dan Wisma Kesatria. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan melibatkan semua peringkat umur dari kanak-kanak sehingga ke peringkat dewasa sebelum menunggu detik jam 12 tengah malam dan pertunjukan bunga api. Sambutan ini turut diserikan dengan kehadiran Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Sardon bin Hassan TUDM.

